

Headline	Tabung Haji disaran saman Rafizi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm ²
Journalist	SAFINA RAMLI	AdValue	RM 4,269
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,807



Tabung Haji disaran saman Rafizi

Oleh **SAFINA RAMLI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 29 FEB.**

LEMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji) disaran memfailkan saman fitnah terhadap Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli bagi memastikan tidak ada lagi mana-mana pihak berani menyerang institusi tersebut dengan tuduhan yang tidak berasas.

Presiden Jaringan Melayu Malaysia (JMM), **Azwanddin Hamzah** berkata, jika tiada sebarang tindakan undang-undang diambil, dikhuatiri Ahli Parlimen Pandan itu atau pihak lain akan terus menyerang Tabung Haji dengan tuduhan-tuduhan liar serta berunsurkan fitnah.

Katanya, tuduhan-tuduhan liar itu jika dibiarkan berpanjangan akan menyebabkan pendeposit hilang keyakinan terhadap institusi tersebut dan menyebabkan kerugian kepada Tabung Haji.

“Banyak tuduhan yang tidak berasas telah dilemparkan oleh Rafizi sebelum ini namun tiada sebarang tindakan diambil terhadapnya.

“Kita mahu lihat tindakan sewajarnya diambil terhadap Rafizi dan saman fitnah adalah tindakan yang perlu diambil bagi member-

sihkan nama Tabung Haji,” katanya yang dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Tabung Haji membuat laporan polis terhadap Rafizi selepas Ahli Parlimen Pandan itu terus mendakwa agensi tersebut memberi jaminan korporat kepada syarikat bersekutunya, Tabung Haji Heavy Engineering Berhad (THHE).

Menerusi satu kenyataan, Tabung Haji menjelaskan langkah itu diambil untuk menjaga kepentingan pendeposit dan reputasi Tabung Haji sebagai sebuah institusi Islam di Malaysia.

Menurut Azwanddin, Tabung Haji merupakan sebuah institusi yang diiktiraf dan dikenali ramai sehingga ke luar negara kerana

kualiti perkhidmatan yang terbaik namun tindakan Rafizi telah mencemarkan nama baik yang telah lama dibina oleh Tabung Haji.

“Rafizi menarik perhatian masyarakat dengan fitnah dan tidak mustahil selepas ini dia akan mendedahkan perkara yang tidak benar mengenai Tabung Haji demi kepentingan politiknya sendiri,” jelasnya.

Dalam pada itu, Penasihat Undang-Undang Alumni 4B Selangor, **Kamarudin Ahmad** berkata, Tabung Haji mempunyai asas untuk memfailkan saman fitnah terhadap Rafizi berdasarkan kenyataan-kenyataan tidak berasas yang dilemparkan olehnya sebelum ini terhadap institusi itu.

“Tabung Haji mesti mengambil tindakan undang-undang bagi membuktikan institusi tersebut berada pada pihak yang benar, menang atau kalah biar mahkamah yang tentukan.

“Tabung Haji tidak perlu takut untuk membawa perkara ini ke mahkamah kerana hanya dengan cara ini keyakinan pendeposit dan orang awam terhadap Tabung Haji dapat dikembalikan,” katanya.



AZWANDDIN HAMZAH

MOHD RAFIZI RAMLI